



Impian jadi kenyataan

Bidang guaman pilihan Zazaleena

Bakatnya mula digilap sejak di peringkat sekolah menengah lagi apabila mahu menyertai pertandingan debat dan mewakili sekolah ketika belajar di Sekolah Menengah Methodist (ACS) Part Buntar, Perak. Kepatahannya bertapak membuatkan Nur Zazaleena Sahudin kini telah berjaya bergelar seorang peguam.

Mula mencuburi bidang guaman pada tahun 2010 selepas menamatkan kursus chambering antara langkah awal untuk Zazaleena terus kukuh dalam kariernya. Walaupun sudah mempunyai pengalaman hampir enam tahun, Zazaleena menganggap dirinya masih lagi baharu dalam bidang ini dan perlu banyak merimba pengalaman.

Mengikuti banyak mendapat tunjuk ajar daripada mentornya iaitu Adi Hazlan Mawardi, membuatkan Zazaleena sentiasa beredia dan yakin dalam setiap langkahnya terutama mengendalikan kes-kes tertentu.

"Saya tahu bukan senang sebenarnya untuk berdepan dengan klien yang pelbagai latar belakang. Namun dengan semangat dan tidak mudah melatah saya kini sudah boleh menyesuaikan diri dalam apa keadaan sekalipun.

"Ini pun hasil sokongan ibu bapa dan suami yang tidak pernah jemu memberi nasihat untuk saya agar sentiasa profesional dan bersikap adil. Sebolehnya saya mahu memberi keadilan kepada pihak yang teraniaya kerana mereka (klien) yang mendapatkan khidmat guaman ini sebenarnya mahu pembelaan jika mereka tidak bersalah.

"Dalam masa sama, karier saya sebagai peguam juga dianggap sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah antara dua pihak jika perkara itu dapat diselesaikan secara berdamai tanpa sebarang konflik, kata graduan Sarjana Muda Undang-undang, Universiti Utara Malaysia ini.

Menurutnya, pengalaman yang diperolehi sejak beberapa tahun kebelakangan ini secara tidak langsung menjadikannya lebih matang dalam menjalani kehidupan harian yang banyak cabaran.

Tidak mahu terus berada dalam zon selesa, Zazaleena kini sedang menyambung pengajiannya di peringkat sarjana dalam bidang perundangan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak tahun lalu.

Hierat utamanya menyambung pengajian ini adalah untuk terus merimba ilmu dalam bidang tersebut kerana bidang guaman bukanlah sesuatu yang statik sebaliknya perlu sentiasa ada pembaharuan selari dengan perkembangan semasa.

Sembang kerjaya dan pendidikan

Anak kedua daripada empat beradik ini turut berkata, walaupun perlu bijak membahagikan masa antara karier dan pelajaran ia sama sekali tidak menjejaskan rutin harian.

Pada sebelah pagi Zazaleena perlu menyelesaikan kerja di pejabat atau mengendalikan kes di mahkamah, sebelah petangnya akan ke kuliah pula iaitu dari jam 6 petang hingga 10 malam. Mujarlah kelas yang dia perlu hadir hanya dua kali seminggu.

"Penat memang penat tetapi saya rasa seronok kerana masih lagi dapat memberi komitmen dengan baik. Malah majikan saya juga turut memahami tuntutan tugas yang perlu saya lakukan sebagai pekerja



Percutian di pulau pilihan Zazaleena untuk hilangkan stres.



masih mempunyai peminatnya yang tersendiri," jelasnya.

Menyisipkan impian untuk mempunyai butik sendiri suatu hari nanti, Zazaleena berharap hasratnya itu akan tercapai. Cuma sekarang ini dia mahu fokuskan kepada karier utama dan perniagaan sebagai kerjaya sampingan untuk masa akan datang.

Suami pendorong kekuatan

Berkongsi sisi peribadinya pula, Zazaleena bersyukur dipertemukan jodoh dengan suami tercinta, Fazreen Ferdiansyah Mohd Fauzi, 33.

"Suami ibarat 'sahabat' yang banyak memberi kekuatan kepada diri saya dalam apa sahaja keadaan. Dia antara individu yang sentiasa ade ketika saya susah dan senang. Malah dia juga kekuatan buat saya kerana apa sahaja yang dilakukan pasti dialah yang banyak bagi dorongan.

"Setiap apa yang dilakukan saya akan berfikir terlebih dahulu dengan suami bagi mendapatkan persetujuan. Saya anggap cara ini antara kunci utama kebahagiaan kami sebagai suami isteri," katanya.

Malah kesibukan Zazaleena tidak pernah sekecil menghadkan masanya untuk bercuti dengan suami.

Baginya percutian ibarat terapi untuk dirinya lebih tenang selain menghilangkan stres. Lokasi pilihan Zazaleena adalah pulau dan pantai kerana kedua-dua tempat ini mempunyai keunikan selain pemandangannya yang menyamankan.

dan penuntut universiti.

"Paling penting cita-cita saya mahu menjadi peguam yang berkualiti akan tercapai suatu hari nanti. Selagi ada peluang saya akan cuba kerana saya yakin jika berusaha pasti akan dapat ganjaran yang setimpal suatu hari nanti," ujarnya.

Selain itu Zazaleena berkata, bergelar peguam bukanlah mudah kerana apa yang kita lakukan sentiasa diadkan kaya pengukur oleh orang sekeliling.

"Ramai yang menyangka peguam adalah kerjaya popular sama seperti doktor. Namun perlu diingat beban tugas yang harus dipikul adalah besar, jujur dan amanah dalam mengendalikan sesuatu kes antara yang perlu dititikberatkan.

"Ini bagi mengelakkan sebarang bentuk fitnah dan salah anggap dari orang ramai terhadap kredibiliti seseorang peguam itu," katanya yang tidak boleh dengan senyuman.

Minat dalam perniagaan

Sementara itu, bakat terpendam dalam diri peguam muda ini dalam bidang perniagaan telah membuka

peluang kepada Zazaleena untuk mencuburi bidang terbabit.

"Semerjak di universiti saya telah berniaga secara online. Perniagaan yang saya lakukan ketika itu adalah mengimport kasut dari Amerika Syarikat dan membawa masuk ke Malaysia.

"Namun selepas menamatkan pengajian saya hentikan dahulu perniagaan tersebut kerana ingin memberi fokus kepada kursus chambering dan fokuskan kepada kerjaya utama.

"Bagaimanapun tahun lalu terdetik di hati ini untuk berniaga semula dan saya mula mengentengahkan produk baharu saya. Dengan mengguna pakai idea tersendiri, akhirnya saya telah berjaya mengeluarkan tudung di bawah jenama Zazaleen.

"Tudung yang menggunakan corak batik lukisan tangan ini telah berjaya menawan hati wanita berbudang yang inginkan kelincahan dalam berfesyen selain dipakai untuk ke majlis formal atau ke tempat kerja.

"Alhamdulillah sejak dilancarkan pada bulan Oktober lalu secara online, permintaan amat menggalakkan. Baru saya tahu sebenarnya batik lukis ini

PROFIL PERSONALITI:

- Nama: Nur Zazaleena Sahudin
- Umur: 30 tahun
- Asal: Bangi, Selangor
- Kelulusan: - Sarjana Muda Undang-undang, Universiti Utara Malaysia (UUM) - Selangor mengikuti Sarjana Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Jawatan: 1) Peguam di Firma Tetuan Nik Saghir & Ismail, Kuala Lumpur 2) Penganjur dan Peraka Zazaleen

